



MODUL PINTAS SPM 2022
PERNIAGAAN

3766 / 1
1 Jam 15 Minit

PERNIAGAAN
KERTAS 1

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1. Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan*
- 2. Jawab semua soalan*
- 3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas yang disediakan.*
- 4. Penggunaan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan dibenarkan.*

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak

1. Apakah kelebihan koperasi ?
- A. Beban cukai yang rendah
 - B. Liabiliti ahli yang terhad
 - C. Pengurusan dan pemilik terpisah
 - D. Pindah milik syer secara bebas

2. Gambar 1 menunjukkan logo bagi sebuah bentuk perniagaan lain.



Gambar 1

Apakah kelebihan perniagaan tersebut kepada francais?.


- A. Memudahkan pembayaran royalti
 - B. Menikmati ekonomi bidangan
 - C. Mendapat sokongan syarikat induk
 - D. Mengembangkan perniagaan secara global
3. Maklumat berikut berkaitan dengan aktiviti sektor perniagaan.

Syarikat A : Memproses ikan
 Syarikat B : Pelancongan

Antara berikut, yang manakah benar tentang sektor yang diceburi oleh Syarikat A dan Syarikat B?.

	Syarikat A	Syarikat B
A	Sektor ketiga	Sektor sekunder
B	Sektor utama	Sektor tertier
C	Sektor kedua	Sektor primer
D	Sektor kedua	Sektor tertier

- 4 Rajah 1 menunjukkan skala perniagaan domestik.




Rajah 1

Antara yang berikut, manakah merujuk kepada X?

- I Memperoleh diskaun yang lebih tinggi
- II Meliputi aktiviti merentasi sempadan
- III Menanggung kos yang tinggi
- IV Menikmati ekonomi bidangan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 5 Gambar 2 menunjukkan sebuah organisasi perniagaan.



Gambar 2

Apakah kelebihan saiz perniagaan tersebut?

- A Cepat menyelesaikan masalah pelanggan
- B Mudah mendapat pekerja mahir
- C Semangat berpasukan yang tinggi
- D Kewangan perniagaan dirahsiakan

6 Maklumat berikut berkaitan pelepasan cukai.

- Diberikan kepada syarikat menyertai promosi oleh kerajaan
- Syarikat dikecualikan pembayaran cukai selama 5 tahun

Apakah jenis pelepasan cukai tersebut?

- A Potongan cukai
- B Taraf perintis
- C Elaun cukai pelaburan
- D Elaun pelaburan semula

7 Antara berikut, manakah faktor persekitaran luaran yang menyebabkan berlakunya trend meningkat?

- A Gaya pengurusan yang cekap
- B Sumber kewangan yang kukuh
- C Sumber manusia yang mahir
- D Kedudukan ekonomi yang stabil

8 Pilih pernyataan yang benar berkaitan kelebihan sumber manusia dalaman.

- A Pekerja lebih bermotivasi untuk bekerja
- B Pekerja mempunyai kemahiran baharu
- C Pekerja mampu membawa idea baharu
- D Pekerja mempunyai semangat berkobar-kobar

9 Maklumat berikut berkaitan kesan perubahan persekitaran terhadap organisasi perniagaan.

- Lambakan barang import
- Perubahan fesyen dan gaya hidup pengguna

Apakah aspek trend perubahan persekitaran tersebut?

- A Undang-undang
- B Pendapatan
- C Pasaran
- D Ekonomi

10 Antara yang berikut, manakah berkaitan dengan objektif perniagaan?

- I Pembentukan matlamat yang lebih khusus
- II Ketetapan dalam membuat tindakan
- III Panduan untuk membuat keputusan
- IV Sasaran boleh diukur dalam jangka masa pendek

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

11 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri objektif sebuah syarikat.

Syarikat Nilai Teguh Sdn. Bhd. menggunakan Carta Gantt untuk merancang pelaksanaan aktiviti pembinaan projek perumahan di bandar Kuantan. Projek perumahan tersebut dijangka dapat disiapkan dalam masa 5 tahun.

Apakah ciri objektif yang dapat dicapai oleh syarikat tersebut?

- A Spesifik
- B Munasabah
- C Boleh dicapai
- D Jangka masa

12 Antara berikut, manakah visi perniagaan Kedai Kek Melur ?

- A Mengagihkan peralatan membuat kek yang berkualiti
- B Membantu mencapai matlamat meningkatkan jualan kek
- C Memastikan permintaan kek mendapat sambutan tinggi
- D Menjadi pengeluar kek yang popular dalam masa 5 tahun

13 Yang manakah berkaitan kepentingan penetapan misi bagi sesebuah perniagaan?

- I Menjelaskan tujuan utama perniagaan ditubuhkan
- II Mengagihkan sumber dalam organisasi perniagaan
- III Menjadi garis panduan dalam menilai keperluan setiap unit
- IV Menjadi asas pencapaian sesebuah organisasi secara khusus

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

14 Maklumat berikut berkaitan dengan salah satu bahagian fungsian.

- Menyediakan dokumen syarikat
- Mengurus, menyimpan dan menerima rekod
- Mengendalikan mesyuarat syarikat

Apakah bahagian fungsian tersebut?

- A Kewangan
- B Pentadbiran
- C Sumber manusia
- D Khidmat pelanggan

15 Apakah peranan Puan Nora sebagai pengurus kewangan di Syarikat Mat Kilau Sdn. Bhd.?

- A Membantu menyediakan penyata kewangan
- B Membuat perancangan kewangan syarikat
- C Memeriksa kewangan setiap jabatan
- D Menyelesaikan masalah hutang syarikat

16 Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan butik.

Puan Zarina mengusahakan perniagaan butiknya secara atas talian. Beliau juga menggunakan kaedah yang sama dalam urusan pembayaran cukai perniagaannya.

Yang manakah aplikasi teknologi maklumat yang dapat membantu Puan Zarina?

- I c-dagang
- II c-pemasaran
- III c-banking
- IV c-government

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV


17 Maklumat di bawah berkaitan peranan satu bahagian fungsian.

- Mengenal pasti sasaran pelanggan
- Menjalin hubungan dengan pengguna setia

Apakah bahagian fungsian tersebut?

- A Pemasaran
- B Pembelian
- C Pengeluaran
- D Pengagihan

18 Rajah 2 menunjukkan sebahagian langkah-langkah dalam pembangunan produk baharu.



Rajah 2

Apakah langkah X?

- A Penjanaan idea
- B Pengujian konsep
- C Pembangunan produk
- D Penyaringan idea

19 Apakah kepentingan interaksi perniagaan dengan organisasi luar?

- A Memudahkan maklumat dicapai dengan cepat
- B Mengukuhkan hubungan baik sedia ada
- C Menyimpan maklumat dan data perniagaan
- D Meningkatkan pengeluaran barang dan perkhidmatan

20 Pernyataan manakah yang menerangkan pengurusan sumber manusia?

- A Pemilihan pekerja baharu untuk mencapai matlamat
- B Pengurusan pekerja secara cekap dan efisien
- C Pengkalan pekerja yang berprestasi tinggi
- D Pelaksanaan latihan yang mencukupi kepada pekerja

21 Maklumat di bawah berkaitan dengan peranan pengurusan sumber manusia.

- Meningkatkan produktiviti
- Pemberian ganjaran dan penghargaan

Manakah peranan yang dapat membantu kemajuan organisasi dalam jangka masa panjang?

- A Menggalakkan kreativiti dan inovasi
- B Latihan peningkatan kemahiran pekerja
- C Pemberian insentif yang munasabah
- D Pemantapan budaya profesional

22 Maklumat berkaitan peranan pengurusan sumber manusia dalam organisasi.

Menjadi penanda aras tentang keberkesanan pekerja untuk melakukan tugas dengan cekap dan berkesan

Apakah peranan pengurusan sumber manusia tersebut?

- A Merekrut pekerja yang berpengalaman
- B Menawarkan insentif yang munasabah
- C Membentuk persekitaran kerja yang positif
- D Membangunkan pasukan untuk mencapai sasaran

23 Antara berikut, calon manakah yang sesuai dipilih oleh pihak Hotel Mawar untuk mengisi kekosongan jawatan sebagai juruteknik.

- A Adham pernah bekerja sebagai penyelia di Syarikat ABG Sdn. Bhd.
- B Kamal mempunyai sijil Diploma Kejuruteraan Mekanikal
- C Rahman berpengetahuan dalam bidang kimpalan
- D Zali berpengalaman sebagai pembantu tukang masak

24 Manakah yang menunjukkan kaedah penggajian dalam sesebuah syarikat?.

	Gaji	Faedah
A	Upah	Komisen
B	KWSP	Insurans
C	Bonus Tunai	Upah
D	Gaji Asas	Elaun

25 Antara yang berikut, yang manakah benar tentang paten?

- I Pendaftaran di Perbadanan Harta Intelek Malaysia
- II Perlindungan hak cipta produk
- III Ekspresi idea sentiasa dizahirkan
- IV Reka cipta eksklusif produk

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

26 Gambar 3 menunjukkan salah satu karya yang mendapat perlindungan hak cipta terpelihara.



Gambar 3

Apakah jenis perlindungan hak cipta terpelihara tersebut?

- A Produk seni
- B Karya terbitan
- C Siaran
- D Filem

- 27 Gambar 4 menunjukkan satu peralatan sumber fizikal yang digunakan dalam perniagaan Kedai Roti Nina.




Gambar 4

Mengapakah penggunaan peralatan tersebut penting dalam perniagaan Kedai Roti Nina?

- I Menghasilkan roti yang pelbagai bentuk
- II Melancarkan operasi pengeluaran roti
- III Memastikan kualiti roti yang seragam
- IV Memudahkan urusan pembungkusan roti

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 28 Gambar 5 menunjukkan jenis sumber pembiayaan dalam sesebuah perniagaan.



Gambar 5

Apakah sumber modal yang terlibat ?

- A Bangunan kilang
- B Jentera
- C Inventori
- D Produk siap

- 29 Pilih padanan sumber pembiayaan yang betul.

	Pembiayaan Dalaman	Pembiayaan Luaran
A	Modal permulaan	Wang simpanan
B	Rizab keuntungan	Sewa beli
C	Pemfaktoran	Pajakan
D	Wang simpanan	Rizab keuntungan


- 30 Maklumat berikut berkaitan situasi yang dihadapi oleh Encik Murad.

Encik Murad baru sahaja mendapat kontrak untuk membina jambatan. Beberapa jentera perlu digunakan untuk menyiapkan kerja-kerja tersebut. Beliau bercadang untuk menyewa jentera tersebut tanpa menggunakan kos yang banyak.

Apakah sumber pembiayaan yang boleh digunakan oleh Encik Murad?

- A Modal permulaan
B Rizab keuntungan
C Sewa beli
D Pajakan
- 31 Antara berikut manakah kelebihan sumber pembiayaan dalaman?
A Tiada kos faedah
B Nilai cagaran rendah
C Tempoh bayaran lama
D Jumlah pinjaman besar
- 32 Antara yang berikut, manakah kegunaan penyata kewangan kepada pemegang saham?
I Menetapkan pemberian ganjaran
II Mendapatkan pinjaman perniagaan
III Merancang pengurusan kewangan
IV Mengetahui keuntungan perniagaan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 33 Rajah 3 menunjukkan maklumat yang terdapat dalam sejenis penyata kewangan.



Rajah 3

Apakah X ?

- A Penyata Pendapatan
 - B Imbangan Duga
 - C Kunci Kira-Kira
 - D Penyata Aliran Tunai
- 34 Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Noah Sdn.Bhd.

Peratusan untung tokokan 45%

Pernyataan manakah yang berkaitan dengan maklumat di atas?


- A Syarikat memperoleh 45% untung kasar bagi mendapatkan hasil jualan
 - B Syarikat meningkatkan 45% untung kasar bagi mendapatkan harga jualan
 - C Harga jualan barang niaga diperoleh dengan menambahkan 45% pada kosnya
 - D Harga jualan ditingkatkan sebanyak 45 sen daripada jumlah kos yang digunakan
- 35 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri lokasi yang sesuai.

- Tempat yang mempunyai tumpuan ramai
- Berhampiran dengan pembekal
- Terdapat kemudahan infrastruktur

Mengapakah ciri-ciri tersebut dititikberatkan oleh sesebuah perniagaan?.

- A Menentukan tempat dipilih berpotensi meraih keuntungan
- B Memastikan premis sentiasa dikunjungi pelanggan
- C Memudahkan pekerja ulang-alik ke tempat kerja
- D Mengelakkan majikan membayar elaun perjalanan

- 36 Antara yang berikut, manakah kelebihan berniaga sebagai satu peluang kerjaya?
- I Menyara kehidupan diri dan keluarga
 - II Meningkatkan prestasi dalam pekerjaan
 - III Keberuntungan perniagaan
 - IV Objektif perniagaan
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV
- 37 Apakah akta yang sesuai bagi perniagaan milikan tunggal dan perkongsian?
- A Akta Syarikat 2016
 - B Akta Pendaftaran Perniagaan 2016
 - C Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012
 - D Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (APP 1956)
- 38 Gambar 6 menunjukkan satu dokumen yang diterima oleh Pusat Rawatan.



Gambar 6

- Apakah langkah seterusnya yang perlu dipatuhi oleh Pusat Rawatan Aby setelah menerima dokumen tersebut?
- A Menyimpan lesen perniagaan dalam fail yang selamat
 - B Menghantar risalah berkaitan perniagaan kepada pelanggan dengan selamat
 - C Mempamerkan sijil perakuan pendaftaran di tempat yang boleh dilihat
 - D Melantik setiausaha perniagaan dalam tempoh 30 hari
- 39 Apakah contoh dokumen yang berkaitan dengan rekod jualan?
- A Bil tunai
 - B Penyata bank
 - C Bil insurans
 - D Ambilan

- 40 Antara berikut yang manakah kepentingan rancangan perniagaan bagi sesebuah perniagaan?
- A Merancang keperluan sumber perniagaan
 - B Menunjukkan keuntungan yang akan diperolehi
 - C Mengenalpasti risiko kerugian yang tidak akan berlaku
 - D Membuktikan projek yang dirancang berjalan lancar

KERTAS SOALAN TAMAT